

Headline **Malik bangkit kejar impian**
Date **21. Oct 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **19**
Article Size **231** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **10608.51**



Malik bangkit kejar impian

Atlit olahraga tersedar lepas dapat keputusan teruk



>>Oleh **Malamalna Mohamed Amin**
malamalina@metro.com.my

SERDANG: Pernah kecundang akibat memperoleh keputusan rendah dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) di bawah 2.00, namun dia tidak putus asa, malah bangkit mengutip semangat meneruskan pengajian sehingga akhirnya mampu menggenggam segulung ijazah.

Pada Istiadat Konvokesyen Sesi Enam, Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32 semalam, atlit olahraga negara, Muhamad Malik Ahmad Tobias, 27, mampu tersenyum bangga apabila dia akhirnya berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

Katanya, dia benar-benar bersyukur dapat menamatkan pengajian selepas tujuh tahun bersengkang mata menelaah pelajaran dan pada masa sama terpaksa mengikut siri latihan kejohanan sukan sama ada kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Saya akui ketika dalam tempoh pengajian saya pernah gagal berhadapan tekanan sehingga menyebabkan tersasar jauh daripada landasan sepatutnya. Saya hi-



BERKAT...Muhamad Malik menunjukkan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi kepada ayah, Ahmad Tobias dan ibu, Zainab, semalam.

lang tumpuan terhadap pelajaran saya, malah aktiviti sukan saya turut tergendala.

"Ia berlaku ketika saya di semester kelima pengajian apabila satu insiden dalam dunia olahraga mengganggu prestasi saya, malah pengajian di UPM menerima tempasnya kerana gagal memberi tumpuan akibat tertekan.

"Saya hanya tersedar apabila memperoleh keputusan peperiksaan paling teruk dan PNGK pula di bawah 2.00 iaitu 1.80," katanya ketika ditemui di Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, di sini, semalam.

Muhamad Malik berkata, sejak peristiwa itu dia ibarat bangun daripada mimpi apabila tidak lagi menoleh ke

belakang sebaliknya terus berusaha memastikan pencapaian akademiknya cemerlang selari dengan pengiktirafan sukan diterimanya.

Menurutnya, meskipun sudah hampir dua tahun menyepi diri daripada sukan dekaathlon, tidak bermakna dia melupakannya tetapi lebih penting mengumpul seberapa banyak ilmu berkaitan olahraga untuk diri sendiri dan pelapis sukan tempatan.

"Walaupun bidang pengajian saya ialah komunikasi, tetapi saya cenderung memilih kerjaya dalam bidang sukan kerana ia sudah sehati dengan jiwa malah ketika ini pun saya sudah berkhidmat dengan Pusat Sukan UPM sebagai Pegawai Belia dan Sukan," katanya.